



## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

### NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel : 06-2895000  
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207  
Web: [www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka](http://www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka)

Ruj Kami : ANM(G)MEL/84 JLD.7(45)  
Tarikh : **20** April 2022  
Bersamaan : **18** Ramadan 1443H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### PEMBUKAAN SEKATAN OVERBAJET BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, pembukaan sekatan *overbajet* bagi OS17000 bayaran BKKA Tahun 2022 di sistem iGFMAS adalah bermula **20 April (Rabu) sehingga 29 April 2022 (Jumaat)**. Pembukaan sekatan *overbajet* adalah bagi membenarkan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BKKA Tahun 2022 yang tidak diproses melalui **Sistem Emolumen Berkomputer Modul Human Capital Management (HCM)** pada **bulan April 2022**. Pembayaran *overbajet* ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2022.

3. Justeru itu, PTJ diingatkan agar pembayaran BKKA Tahun 2022 ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BKKA Tahun 2022 tidak dibuat pembayaran dua(2) kali kepada pegawai yang layak.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M),CPA (Aust))

Pengarah Negeri,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.